

## ABSTRAK

Penerbitan dokumentari televisyen di negara kita sedang berkembang dengan pesat terutama kerana adanya permintaan daripada stesen-stesen tv tempatan yang disyaratkan supaya menyiaran hasil-hasil penerbitan syarikat produksi tempatan. Kajian ini bertujuan untuk memahami proses pengeluaran sesuatu rancangan televisyen yang berbentuk dokumentari. Kajian ini berfokus pada siri Salam Nusantara iaitu rancangan berbentuk dokumentari yang meninjau mengenai perkembangan masyarakat Islam di negara-negara Asia Tenggara. Kaedah kajian ini adalah melalui kaedah penyertaan, temubual dan analisa kandungan. Penyertaan penyelidik sebagai krew penggambaran memantapkan lagi penyelidikan mengenai penerbitan dokumentari televisyen Salam Nusantara. Kajian ini menumpukan kepada amalan penerbitan Salam Nusantara di dalam pengurusan dan perhubungan, editorial, produksi dan pos produksi serta pemasaran. Hasil kajian ini mendapat kejayaan amalan penerbitan banyak bergantung kepada kerja berpasukan yang diamalkan oleh syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. Proses penerbitan dokumentari Salam Nusantara bermula daripada kerja-kerja penyelidikan bagi menyediakan kertas proposal, mendapatkan kelulusan, membina jalan cerita, melakukan penggambaran di lokasi, proses pos produksi di studio dan pemasaran susulan selepas siaran di TV 1. Kesimpulannya kajian ini membuktikan pengurusan penerbitan yang baik membolehkan syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. terus diberi kepercayaan oleh RTM untuk menerbitkan siri dokumentari Salam Nusantara dengan mengadakan penggambaran di negara Kemboja, Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam dan Myanmar.